

08 JUL 2002

Syed Razak-TPM

BARISAN NASIONAL DAN UMNO KEDAH AKUR SIAPA SAHAJA JADI TPM

ALOR SETAR, 8 Jul (Bernama) -- Barisan Nasional dan Umno Kedah akur siapa sahaja menjadi Timbalan Perdana Menteri (TPM) selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan, kata Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

"Kita tidak ada sebarang bantahan dengan pandangan dan pemilihan pucuk pimpinan untuk mengisi jawatan TPM kelak," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein di sini, hari ini.

Siapa sahaja yang dipilih tidak menjadi masalah kepada Umno negeri ataupun Barisan Nasional (BN) negeri, katanya yang juga Pengerusi BN Kedah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir telah membayangkan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai pemimpin Umno paling kanan dan layak menjadi TPM untuk menggantikan tempat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, baru-baru ini.

Mengenai pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, beliau berkata Umno khususnya BN telah bersedia dengan sebarang kemungkinan yang boleh berlaku semasa kempen dan pengundian.

Beliau berharap pengundi tidak takut dengan ugutan pembangkang untuk keluar mengundi kerana keselamatan mereka terjamin berikutan persediaan awal pasukan keselamatan.

Sementara itu Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin berkata pergerakan itu telah masak dengan pelbagai taktik pembangkang sejak mengharungi tujuh pilihan raya kecil selepas pilihan raya umum 1999.

"Pemuda akan menjawab apa sahaja isu pembangkang termasuk soal peribadi dan tidak akan berkompromi lagi dengan mereka," katanya.

Katanya, pembangkang berkemungkinan akan lebih kasar dan ganas kali ini memandangkan mereka berusaha mempertahankan kedua-dua kerusi tersebut (parlimen Pendang dan DUN Anak bukit).

Pemuda berharap Pas berkempen secara sihat tetapi sekiranya mereka bertindak lebih ganas, Pemuda Umno tidak teragak-agak meletakkan tanggungjawab itu terhadap pemangku Presidennya, Datuk Haji Abdul Hadi Awang, kata Hishamuddin.

Beliau menambah, Pemuda Umno akan memastikan semua jentera pilihan raya Puteri, Wanita dan Pemuda sendiri berjalan lancar serta akan bekerjasama dengan polis untuk mengelak sebarang kejadian buruk semasa pilihan raya ini.

-- BERNAMA

ZA ZB